

Majlis Penyerahan Peranti Wakalah Zakat KPM Kepada Murid Di Wilayah Persekutuan Labuan



Labuan, 23 Julai 2024 – Yayasan Didik Negara (YDN) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah menganjurkan Majlis Penyerahan Peranti Tablet Wakalah Zakat KPM kelmarin bertempat di Dewan SK Sungai Bedaun.

Seramai 70 murid SK Sungai Bedaun yang layak telah diberikan peranti tablet ini untuk tujuan pembelajaran digital serta penggunaan buku teks digital.

Sumbangan oleh Yayasan Didik Negara ini bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran digital mereka dan memastikan mereka dapat mengakses sumber pembelajaran yang berkualiti dengan lebih efektif.

Majlis dihadiri oleh Encik Hardian bin Hadir, CEO Yayasan Didik Negara, Tuan Haji Abidin bin Haji Marjan, Pengarah Jabatan Pendidikan W.P Labuan dan Encik Ag Marten bin

Datuk Haji Abd Rahman, Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembangunan Murid.

Turut hadir Puan Zaliha binti Mohd Salleh, Ketua Penolong Pengarah HEM, Sektor Pembangunan Murid serta pegawai-pegawai Sektor Pembangunan Murid, pegawai-pegawai YDN dan guru-guru SK Sungai Bedaun serta Ibu bapa murid penerima.

SK Sungai Bedaun merupakan sekolah rendah kelima di W.P Labuan yang menerima sumbangan peranti wakalah zakat KPM selepas SK Bebuloh, SK Bukit Kalam, SK Tanjung Aru dan SK Pantai.